



HOLDINGS

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)  
SYARIKAT MILIKAN RISDA (SMR) TAHUN 2018**

**UCAPAN PERASMIAN**

**Y.BHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN  
MOHAMAD  
KETUA PENGARAH RISDA**

AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH,  
IBU PEJABAT RISDA  
27 NOVEMBER 2018 (SELASA)  
10.00 PAGI

Yang Dihormati Saudara/Saudari Pengerusi Majlis

YBhg. Dato' Nasarudin bin Malek  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

YBhg. En. Abdullah bin Zainal  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA

YBrs. Tn. Hj. Sopian bin Abu Bakar  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn. Bhd.  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang SMR 2018

YBhg. Tn. Hj. Mohamad Asmizi bin Alias  
Pengarah Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Syarikat

Pengarah – Pengarah Bahagian/ Ketua – Ketua Pegawai Eksekutif  
Syarikat Milikan RISDA

Pengurus-Pengurus Besar RHSB dan Ketua-Ketua Jabatan SMR

Yang Diraikan Penerima-Penerima Anugerah Perkhidmatan  
Cemerlang

Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh/ Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana kita dapat berkumpul pada pagi ini sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Syarikat Milikan RISDA 2018 yang julung kalinya diadakan secara serentak dengan semua SMR.
2. Tahniah kepada RISDA Holdings dan semua SMR kerana berjaya menganjurkan Majlis ini secara bersama yang memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada

Penerima-Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang  
Syarikat Milikan RISDA 2018.

3. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Syarikat Milikan RISDA merupakan saluran untuk mengiktiraf daya usaha, dedikasi dan komitmen staf yang telah memperlihatkan kecemerlangan dengan menghasilkan mutu kerja yang melebihi keperluan tanggungjawab biasa mengikut kategori dan bidang jawatan masing-masing.

4. Hari ini kita akan meraikan 110 orang Penerima Anugerah. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima atas pencapaian perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2017.
  
5. Saya amat berharap agar mutu kerja dan kecemerlangan yang diperlihatkan oleh para penerima anugerah ini akan menjadi pembakar semangat kepada yang lain untuk dicontohi kearah kecemerlangan di masa hadapan.

6. Di kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada RISDA Fleet Sdn. Bhd, Protac Insurance and Brokers Sdn. Bhd. dan RISDA Catering and Event Sdn. Bhd di atas penerimaan sijil penghargaan 10 Syarikat Terbaik Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Tahun 2017 bagi Kategori Modal Berbayar Kurang RM 5 juta.

7. Manakala ucapan penghargaan dan tahniah kepada Permodalan RISDA Berhad di atas penerimaan sijil penghargaan 10 Syarikat Terbaik Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Tahun 2017 bagi Kategori Modal Berbayar Lebih RM 5 juta dan RISDA Security and Services Sdn.Bhd bagi kategori Anugerah Syarikat Harapan KPLB.

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Saya difahamkan prestasi 2017 Kumpulan SMR keseluruhan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM42.45 juta. Tahniah kepada semua SMR atas kecemerlangan ini dengan usaha gigih yang dicurahkan.
  
9. Namun saya dimaklumkan Prestasi 2018 Kumpulan SMR keseluruhan diunjurkan lebih rendah dari pencapaian tahun 2017 dengan unjuran keuntungan sebelum cukai sebanyak RM37.04 juta sahaja.

10. Antara faktor yang menyumbang kepada pengurangan ini adalah senario semasa industri komoditi sawit dan getah yang menyebabkan unjuran prestasi kumpulan SMR tahun 2018 dikaji semula. Kedudukan harga sawit November tahun 2018 menurun sehingga RM1,860/mt dengan purata sekitar RM2,270/mt berbanding 2017 iaitu RM2,700/mt.

11. Saya juga difahamkan, Jawatankuasa Lembaga Mengkaji Bajet RHB telah bermesyuarat bagi menyemak

penyediaan Bajet SMR 2019 dan diunjurkan bajet 2019 bagi semua SMR akan lebih rendah iaitu RM35.16 juta sahaja berbanding RM37.04 juta tahun 2018 iaitu penurunan sebanyak 5%.

12. Situasi berlaku akibat dari senario yang sama dan pendekatan kos seperti pelaksanaan gaji minima dan sebagainya. Namun demikian saya berharap budaya berbelanja berhemah dalam tekanan ekonomi sekarang ini, SMR berupaya bertahan dan mengekalkan prestasi

sedia ada. Semangat, kepintaran, usaha dan budaya inovasi jika digembeling InshaAllah akan membantu kita mengharungi saat kesukaran.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Semua SMR hendaklah bersedia setiap masa untuk menghadapi senario baru apabila berpindah ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Semua pegawai dan staf SMR hendaklah memastikan supaya semua tugas

dilaksanakan dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab serta sentiasa menjaga imej perkhidmatan di Syarikat dan juga RISDA khususnya.

14. Buat masa ini, SMR menaungi seramai 1,375 orang staf dan sebaik mungkin kita bakal menyusun dan menempatkan pegawai atau staf ke SMR - SMR yang bersesuaian dengan kemahiran serta kebolehan seiring dengan keperluan jabatan pada masa hadapan

15. Justeru itu, semua staf SMR disaran agar sentiasa profesional, kompeten dan memberi sumbangan yang terbaik ke arah prestasi SMR yang cemerlang bagi memastikan semua pihak mendapat faedah.
  
16. Akhir kata, sekalung tahniah kepada jawatankuasa penganjur atas majlis yang dilaksanakan dengan penuh gilang gemilang pada hari ini. Kepada semua warga SMR khususnya penerima APC SMR 2018, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan semoga terus cemerlang di masa

hadapan. Semoga semua usaha kita ini memperoleh keberkatan daripada Allah S.W.T.

Wabillahitaufik            Walhidayah            Wasalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.